

# MB Kedah diarah fail pernyataan pembelaan kes saman Anwar

PH- 12/1/2023 m/s: 16



Muhammad Sanusi

Pada 13 Disember lalu, Anwar, 75, selaku plaintif memfailkan saman itu dengan menamakan Muhammad Sanusi, 48, sebagai defendan tunggal.

## Ceramah PRU

Anwar dalam pernyataan tuntutannya berkata, pada 13 November tahun lalu, Muhammad Sanusi yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Kedah, didakwa memberi ucapan pilihan raya pada ceramah terbabit sebagai menyokong calon PN bagi Parlimen Tambun, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, dengan ratusan pengunjung menghadiri ceramah itu.

Menurut Anwar, ucapan dalam ceramah itu diterbitkan atau me-

nyebabkan penerbitan semula dan disiarkan secara siaran langsung dalam aplikasi Facebook bawah nama 'Faizal Azumu' yang mendapat tontonan lebih 88,000 kali, 531 reaksi, 58 kali perkongsian dan 384 komen, setakat tarikh pemfailan saman berkenaan.

Presiden PKR itu berkata, pada 14 November 2022, kenyataan didakwa fitnah daripada video berkenaan dipetik oleh MalaysiaKini dan portal tersebut menerbitkan satu artikel dalam bahasa Melayu serta bahasa Inggeris.

Anwar mendakwa, kenyataan fitnah itu antaranya membawa maksud plaintif mendapat Pengampunan Diraja melalui pe-

nipuan dan kekal tidak diampunkan, serta memperdaya Yang di-Pertuan Agong, seorang pembong, tidak boleh dipercayai, tidak beretika dan mengkhianati mandat rakyat.

Plaintif mendakwa, kenyataan-kenyataan itu dibuat dengan berniat jahat bertujuan untuk menghasut orang ramai dan menimbulkan kebencian peribadi terhadapnya serta PH ketika tempoh berkempen menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 19 November tahun lalu.

Ahli Parlimen Tambun itu mendakwa, kenyataan terbabit tidak benar dan semua pertuduhan jenayah dihadapinya sebelum ini adalah sebahagian daripada konspirasi politik yang dirancang untuk menyingkirkan beliau daripada memegang jawatan awam serta merosakkan karier politiknya. BERNAMA

fitnah dalam satu kempen ceramah 'Jelajah PN Best Tambun' yang didakwa mengaitkan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu dengan perlakuan tidak bermoral.

Peguam, Datuk S N Nair yang mewakili Anwar, berkata mahkamah juga mengarahkan anak guamnya memfailkan jawapan kepada pernyataan pembelaan, selewat-lewatnya 13 Mac depan.

"Pengurusan kes selanjutnya ditetapkan pada 20 Mac depan," katanya kepada Bernama selepas pengurusan kes di hadapan Penolong Kanan Pendaftar, V K Neethiya Nair, secara dalam talian, semalam.

Prosiding itu turut disertai peguam, Jaden Phoon Wai Ken dan Wong Guo Jin mewakili Anwar, manakala peguam, Adam Luqman Amdan bertindak bagi pihak Muhammad Sanusi.

## Ucapan Sanusi didakwa berbau fitnah kaitkan PM dengan perlakuan tidak bermoral

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di Alor Setar, semalam, mengarahkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, memfailkan pernyataan pembelaan dalam saman fitnah yang difailkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selewat-lewatnya 13 Februari depan.

Saman terbabit adalah berhubung ucapan dikatakan berbau